



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**  
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,  
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.  
Tel : 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : [fama@fama.gov.my](mailto:fama@fama.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **PINDAAN AKTA FAMA BAGI MEMPERLUAS SKOP TERHADAP PEMASARAN KOMODITI TERNAKAN**

**KOTA KINABALU, 7 Ogos 2021** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membuat pindaan kepada Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [Akta 141] untuk memberikan kuasa kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk mengedar dan memasarkan komoditi ternakan dalam pasaran negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata pindaan yang dicadang untuk dibawa ke sidang Parlimen terdekat ini akan memperluaskan skop FAMA terhadap pemasaran komoditi dan produk ternakan menerusi rantaian pemasarannya yang luas.

Buat masa ini, Akta 141 mempunyai bidang kuasa yang terhad yang mana tafsiran keluaran pertanian (*agricultural produce*) dalam seksyen 1A hanya memperuntukkan keluaran pertanian tertentu dan tidak termasuk komoditi ternakan.

FAMA akan mengambil peranan untuk turut mengedarkan komoditi ternakan serta menstabilkan rantaian bekalan bagi komoditi berkenaan bagi memastikan bekalan ternakan sentiasa berada di dalam pasaran serta rantaian bekalannya tidak terganggu memandangkan ketika ini tiada agensi khusus yang menjalankan aktiviti pemasaran ternakan.

YB Menteri MAFI berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau pelaksanaan kerja-kerja membina Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Sabah di Pejabat FAMA Negeri Sabah hari ini.

Hadir sama, Pengarah FAMA Negeri Sabah Haji Ribin bin Haji Wahid.

Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Sabah yang dijangka siap pada bulan Ogos 2022 ini adalah sebahagian daripada Pelan Perancangan Pembangunan Kompleks Pemasaran FAMA @ KKIP (2021 – 2025) yang melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM5 juta. Kompleks ini diunjur akan mampu mengendalikan sehingga 21,000 tan metrik buah-buahan dengan nilai RM 123 juta apabila siap sepenuhnya kelak.

Selain pembinaan pusat pemprosesan ini, FAMA juga naiktaraf Pusat Operasi Kota Kinabalu, pembinaan bilik-bilik sejuk, menambah stor simpanan operasi, dan membangunkan depo penyimpanan dan pengedaran yang merupakan sebahagian

daripada Pelan Perancangan Pembangunan Kompleks Pemasaran FAMA @ KKIP.

Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Sabah secara khususnya akan memberi kemudahan dan persediaan tersedia kepada golongan sasar di samping membantu mereka memasarkan hasil pertanian bagi mengelakkan dari berlaku lebihan atau lambakan hasil pertanian. Pusat pemprosesan ini juga berperanan bagi memproses buah – buahan untuk dijadikan sebagai produk sejuk beku dan produk pemprosesan minima.

Pusat ini juga dijangka mampu memproses 1,500 tan metrik durian, 288 tan metrik kelapa, 240 tan metrik nanas MD2, 960 tan metrik sayuran kobis menjelang tahun 2025 bagi pasaran tempatan dan eskport.

Menurut Dr Ronald, MAFI melalui FAMA sentiasa memberikan perhatian khusus terhadap aspek pemasaran keluaran hasil pertanian selaras dengan penekanan yang akan diberikan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) untuk memperkukuh akses pasaran bagi hasil keluaran permintaan tinggi dan berorientasikan eksport.

“Pembangunan Kompleks Pemasaran FAMA sebegini adalah antara usaha untuk mewujudkan satu rangkaian pemasaran yang lengkap dan teratur serta sebagai kemudahan untuk usahawan-usahawan tani untuk memproses hasil keluaran mereka dan seterusnya di hantar ke Semenanjung Malaysia atau dieksporth,” kata Dr Ronald.

Sehingga kini, FAMA telah mewujudkan sebanyak 12 pusat pemprosesan buah-buahan sejuk beku dan 4 pusat memproses makanan di seluruh negara berakreditasi Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kerana mencapai piawai pengeluaran makanan yang lebih tinggi bagi memenuhi kehendak-kehendak keselamatan makanan dan kehendak pengguna seperti yang berada di Batu Kurau, Perak, Jerantut, Pahang, Machang, Kelantan dan lain-lain lokasi. Pusat-pusat ini dibuka kepada mana-mana usahawan yang ingin bekerjasama dengan FAMA bagi penggunaan pusat tersebut.

Buah durian kampung yang diproses hasil daripada aktiviti khidmat pemasaran yang dijalankan oleh Pusat Operasi FAMA dapat membantu petani yang mengalami masalah lebihan bekalan serta membantu pengusaha dan usahawan yang menggunakan pes, tempoyak dan ulas dalam produk hiliran.

Jumlah belian keseluruhan durian kampung oleh Pusat-Pusat Operasi FAMA sehingga 3 Ogos 2021 adalah sekitar 158 tan metrik dan dari jumlah tersebut 52.76 tan metrik (33%) dijual secara segar dan 105.29 tan metrik (67%) telah diproses oleh tujuh pusat memproses FAMA. Aktiviti pemprosesan dijangka berterusan sehingga minggu kedua/ketiga Ogos 2021.

Keseluruhan hasil pemprosesan adalah sebanyak 18.85 tan metrik. FAMA menjangkakan akan menambah belian durian kampung sebanyak 200 tan metrik lagi sehingga akhir musim dan akan menghasilkan pes durian antara 20 tan metrik hingga 24 tan metrik.

Manakala, dari bulan Januari hingga Julai 2021, 457.8 tan metrik barangan segar terpilih telah dihantar ke Semenanjung Malaysia oleh FAMA Negeri Sabah dengan nilai RM 1.23 juta. Antara komoditi tersebut adalah Pisang Sabah, Pomelo dan Halia Tua.

Dalam pada itu, Dr Ronald juga telah menyerahkan bantuan MAFI Prihatin FAMA hari ini kepada 250 orang usahawan pemasar FAMA di Pejabat FAMA Negeri Sabah, Kota Kinabalu.

Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan ini merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang merupakan inisiatif serampang dua mata di mana dapat membantu petani memasarkan lebih hasil pertanian mereka dan dalam masa sama dapat membantu golongan sasar yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Sehingga 3 Ogos 2021, pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA secara khusus, telah memberi manfaat kepada 26,587 penerima di 131 lokasi seluruh negara dengan jumlah berat keseluruhan sebanyak 46.72 tan metrik makanan telah disalurkan.

Secara keseluruhannya, semenjak 1 Jun hingga 2 Ogos 2021, dianggarkan 63,000 penerima di lebih 300 buah lokasi seluruh negara telah menerima manfaat daripada bantuan MAFI Prihatin yang disampaikan melalui pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI dengan nilai bantuan mencecah lebih RM5.35 juta.

FAMA Sabah juga sedang melaksanakan Program Stok Bekalan Makanan di Sabah dengan membuat belian hasil pertanian segar dan proses melalui harga lantai dengan peruntukan sebanyak RM2.74 juta. Ini adalah sebahagian daripada inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bagi membantu masalah pemasaran yang dihadapi petani berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKP, FAMA Negeri Sabah telah mewujudkan Bilik Gerakan (*Crisis Management Centre*) yang beroperasi dari pukul 8 pagi hingga 7 malam setiap hari. Sebarang pertanyaan berkaitan, boleh menghubungi Bilik Gerakan FAMA Negeri Sabah melalui email ke [cmcfamasabah@gmail.com](mailto:cmcfamasabah@gmail.com) atau menghubungi talian *hotline* 013-524 1470/016-820 4574/019-808 7342.

#####

**Disediakan oleh:  
Bahagian Sekretariat dan Korporat FAMA Ibu Pejabat  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)  
7 Ogos 2021**